HD Media Player

O!Play GALLERY

Manual Pengguna

MY5932

Edisi Pertama
Januari 2011

Hak cipta © 2011 ASUSTeK COMPUTER INC. Semua Hak Terpelihara.

Tiada satu pun bahagian manual ini, termasuk produk dan perisian yang diterangkan didalamnya boleh dihasilkan semula, dipindahkan, disimpan dalam sistem dapat maklumat, atau diterjemahkan ke dalam berbilang bahasa dalam sebarang bentuk atau dengan apa-apa cara sekalipun, kecuali dokumentasi disimpan oleh pembeli untuk tujuan sandaran, tanpa kebenaran bertulis ASUSTeK COMPUTER INC. (“ASUS”).

Jaminan atau perkhidmatan produk tidak akan dilanjutkan jika: (1) produk ini dibaiki, diubah suai atau digubah, melainkan pembetulan lain, pengubahsuaian penggubahan dibenarkan secara bertulis oleh ASUS; atau (2) nombor siri produk rosak atau hilang.

ASUS MENYEDIAKAN MANUAL INI “SEPERTI MANA ADA” TANPA SEBARANG JAMINAN, SAMA ADA SECARA TERSURAT ATAU TERSIRAT, TERMASUK TETAPI TIDAK TERHAD KEPADA JAMINAN ATAU SYARAT KEBOLEHDAGANGAN YANG DIKENAKAN ATAU KESESUAIAN UNTUK TUJUAN TERENTU. ASUS, PENGARAHNYA, PEGAWAINYA, PEKERJA ATAU EJENNYA TIDAK AKAN SEKALI-KALI BERTANGGUNGJAWAB UNTUK SEBARANG KEROSAKAN LANGSUNG, KHUSUS, TIDAK SENGAJA ATAUPENTING (TERMASUK KEROSAKAN UNTUK KERUGIAN DAN KEUNTUNGAN, KERUGIAN PERNIAGAAN, KEHILANGAN PENGGUNAAN ATAU DATA, GANGGUAN PERNIAGAAN DAN SAMA DENGANNYA), WALAUPUN JIKA ASUS TELAH DINASIHATKAN BAGI KEBARANGKALIAN KEROSAKAN BERIKUT TIMBUL DARIPADA KECACATAN ATAU RALAT DI DALAM MANUAL ATAU PRODUK INI.

SPESIFIKASI DAN MAKLUNMAT YANG TERKANDUNG DI DALAM MANUAL INI DSEDIAKAN UNTUK PENGGUNAAN BERMAKLUMAT SAHAJA DAN TERTAKLUK PADA PERUBAHAN PADA BILA-BILA MASA TANPA PEMBERITAHUAN DAN TIDAK BOLEH DITAFSIRKAN SEBAGAI KOMITMEN OLEH ASUS. ASUS TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB ATAU MEMEGANG LIABILITI UNTUK SEBARANG RALAT ATAU MAKLUMAT YANG TIDAK TEPAT YANG MUNGKIN ADA DI DALAM MANUAL INI, TERMASUK PRODUK DAN PERISIAN YANG DIJELASKAN DIDALAMNYA.

Nama produk dan korporat muncul di dalam manual ini mungkin atau bukan tanda dagangan atau hak cipta syarikat mereka berasingan, dan digunakan hanya untuk pengenalpastian atau penerangan dan untuk faedah pemilih, tanpa berniat untuk melanggar.

Kandungan

Maklumat keselamatan..... vi

Pemberitahuan amaran lesen dan tanda dagangan untuk Dolby Digital / Digital Plus viii

Pemberitahuan amaran lesen dan tanda dagangan untuk DTS..... viii

Mengenai panduan pengguna ini..... viii

Bab 1 Bermula

Selamat Datang..... 1-1

Kandungan pakej..... 1-1

Ringkasan spesifikasi 1-2

Keperluan sistem..... 1-3

Mengetahui pemain media O!Play GALLERY anda..... 1-3

Panel depan 1-3

Panel beakang 1-5

Kawalan jauh..... 1-6

Mendapatkan pemain media O!Play GALLERY anda bersedia 1-9

Memasangkan pemacu cakera keras 1-9

Menyambung penyesuai kuasa 1-11

Menyambung peranti ke pemain media HD anda.....1-11

Mula untuk kali pertama 1-13

Bab 2 Persediaan dan perkhidmatan rangkaian

Menyambung ke rangkaian..... 2-1

Sambungan berwayar 2-1

Sambungan wayarles..... 2-7

Sambungan pelayan proksi..... 2-9

Perkongsian fail melalui rangkaian..... 2-10

Perkongsian fail di bawah Windows® XP OS 2-10

Perkongsian fail di bawah Windows® Vista OS.....2-11

Perkongsian fail di bawah Windows® 7 OS..... 2-13

Berkongsi fail di bawah Mac OS X 10.5.xx 2-15

Berkongsi fail di bawah Linux OS 2-16

Bab 3 Menggunakan pemain media O!Play GALLERY anda

Skrin Utama..... 3-1

Menatarajah tetapan O!Play GALLERY:..... 3-2

Memainkan filem..... 3-3

Butang kawalan filem pada kawalan jauh 3-3

Memainkan filem 3-4
Mengkonfigurasi tetapan main balik filem 3-5
Memainkan muzik 3-5
Butang kawalan muzik pada kawalan jauh 3-5
Memainkan fail muzik..... 3-6
Menatarajah tetapan main kembali audio 3-7
Menyediakan senarai main muzik anda..... 3-8
Menguruskan foto/video anda dengan Kehidupan Saya 3-9
Menyediakan senarai main foto/video anda..... 3-9
Melihat foto..... 3-10
Butang kawalan foto pada kawalan jauh..... 3-10
Melihat foto dalam mod tayangan slaid.....3-11
Menatarajah tetapan main kembali foto 3-11
Memainkan video 3-12
Butang kawalan video pada kawalan jauh 3-12
Mengkonfigurasi tetapan main balik video 3-13
Penstriman media dalam talian 3-14
Penstriman dalam talian daripada Netflix..... 3-15
Menguruskan fail anda..... 3-16
Mengimport fail/folder..... 3-16
Menyalin fail/folder 3-16
Menamakan semula fail/folder 3-17
Memainkan iPod atau iPhone anda..... 3-17

Bab 4 Penyelesaian Masalah

Penyelesaian Masalah..... 4-1
Paparan..... 4-1
Audio 4-3
Peranti penyimpanan USB..... 4-4
Kawalan Jauh..... 4-4
Kemas Kini Peralatan Tegar..... 4-4
Wired, Wi-Fi, and Internet connections (sambungan Berwayar, Wi-Fi, dan Internet)..... 4-5
Kegagalan operasi/fungsi..... 4-6
Maklumat Tambahan..... 4-7
Mesej ralat biasa 4-7

Lampiran

Pemberitahuan **L-1**
GNU General Public License **L-2**
Maklumat hubungan ASUS **L-8**

Maklumat keselamatan

Gunakan hanya kain kering untuk membersihkan peranti.

JANGAN letakkan pada permukaan kerja yang tidak sama rata atau tidak stabil Serviskan jika penutup rosak. Rujuk semua servis pada kakitangan perkhidmatan berkelayakan.

SUHU SELAMAT: Peranti ini hanya boleh digunakan di dalam persekitaran dengan suhu sekeliling antara 5°C (41°F) dan 35°C (95°F).



Pastikan bahawa anda memasukkan peranti ke dalam perkadaran input kuasa sebenar (12Vdc, 3A).

JANGAN dedahkan atau gunakan berdekatan cecair, hujan atau kelembapan.

JANGAN pasang berdekatan dengan peranti yang menghasilkan haba atau sumber seperti radiator, penghala haba, alat pemanas atau amplifier.

JANGAN campakkan peranti di dalam sisa perbandaran. Peranti ini direka untuk mendayakan penggunaan semula dan pengkitaran semula yang sewajarnya. Semak peraturan setempat untuk pembuangan produk elektronik.

Label amaran

Denyar kilat bersama simbol kepala anak panah, di dalam segi tiga sama sisi berniat memaklumkan kepada pengguna kehadiran voltan bahaya menebat di dalam pendedahan produk yang mempunyai magnitud mencukupi untuk menghasilkan risiko kejutan elektrik kepada orang.	Untuk mengurangkan risiko kejutan elektrik, jangan keluarkan penutup belakang. Tiada bahagian yang boleh diservis oleh pengguna di dalam. Rujuk servis pada kakitangan perkhidmatan berkelayakan.	Tanda seruan di dalam sesi tiga sama sisi berniat memberitahu pengguna kehadiran arahan pengendalian dan penyelenggaraan penting (servis) di dalam isi kandungan bersama-sama alat.

- Bahaya letupan jika bateri tidak digantikan dengan betul. Gantikan hanya dengan sama jenis bateri yang disarankan.
- Buang bateri yang digunakan mengikut peraturan setempat.

Amaran Keselamatan

1. Baca arahan ini.
2. Simpan arahan ini.
3. Beri perhatian kepada semua amaran.
4. Ikut semua arahan.
5. Jangan gunakan alat ini berdekatan air.
6. Bersihkan hanya menggunakan kain kering.
7. Jangan halang sebarang bukaan pengudaraan. Pasang mengikut arahan pengilang.
8. Jangan pasang berdekatan sumber haba seperti radiator, penghala haba, alat pemanas atau alat lain (termasuk amplifier) yang mengeluarkan haba.
9. Jangan abaikan tujuan keselamatan palam kutub atau jenis bumi. Palam kutub mempunyai dua mata dengan satu lebih besar daripada yang lainnya. Palam jenis bumi mempunyai dua mata dan serampang bumi ketiga. Mata yang luas atau serampang ketiga disediakan atas keselamatan anda. Jika palam yang disediakan tidak serasi di dalam alur keluar anda, rujuk juruteknik atau gantian untuk alur keluar usang.
10. Lindungi kord kuasa daripada dipijak atau dterik di palam, bekas mudah dan pusat ia keluar daripada alat.
11. Hanya gunakan lampiran/aksesori yang dikhususkan oleh pengilang.
12. Gunakan hanya kart, dirian, tripod, pendakap atau meja yang dikhususkan oleh pengilang, atau dijual dengan alat. apabila kart digunakan, berhati-hati apabila menggerakkan gabungan kart/alat untuk mengelakkan kecederan daripada terbalik.

13. Buka palam alat ini semasa ribut petir atau apabila tidak digunakan pada masa yang lama.
14. Rujuk semua servis pada kakitangan perkhidmatan berkelayakan. Servis diperlukan apabila alat telah rosak dengan apa cara sekalipun, seperti kord bekalan kuasa atau palan rosak, cecair telah tumpah atau objek telah jatuh ke dalam alat, alat telah didedahkan pada hujan atau kelembapan, tidak beroperasi dengan normal atau telah terjatuh.

Pemberitahuan amaran lesen dan tanda dagangan untuk Dolby Digital / Digital Plus

Dikilangkan di bawah lesen daripada Dolby Laboratories. Dolby dan simbol D berganda adalah tanda dagangan Dolby Laboratories.

Pemberitahuan amaran lesen dan tanda dagangan untuk DTS

Dikilangkan di bawah lesen di bawah Paten #s: 5,451,942; 5,956,674; 5,974, 380; 5,978,762; 6,487,535 & paten AS dan seluruh dunia yang dikeluarkan & ditunda. DTS dan DTS 2.0 + Digital Out adalah tanda dagangan berdaftar dan logo dan simbol DTS adalah tanda dagangan DTS, Inc. © 1996-2008 DTS, Inc. Semua Hak Cipta Terpelihara.

Mengenai panduan pengguna ini

Bagaiaman panduan pengguna ini diaturkan

- **Bab 1: Bermula**

  Menyediakan maklumat asas mengenai ASUS O!Play GALLERY Media Player anda.
- **Bab 2: Persediaan dan perkhidmatan rangkaian**

  Menyediakan maklumat berkenaan menyambung ASUS O!Play GALLERY Media Player anda ke rangkaian utama atau LAN.
- **Bab 3: Menggunakan ASUS O!Play GALLERY Media Player**

  Menyediakan maklumat untuk penggunaan ASUS O!Play GALLERY Media Player anda.
- **Bab 4: Penyelesaian Masalah**

  Menyediakan penyelesaian pada soalan yang kerap ditanya mengenai ASUS O!Play GALLERY Media Player anda.

Persetujuan yang digunakan di dalam panduan ini

Untuk memastikkan anda menjalankan tugasan tertentu dengan sewajarnya, ambil perhatian simbol berikut digunakan dikeseluruhan panduan pengguna ini.

BAHAYA/AMARAN: Maklumat untuk menghalang kecederaan apabila cuna menyelesaikan tugasan.

PERHATIAN: Maklumat untuk menghalang kerosakkan ke komponen apabila cuba melengkapkan tugasan.

PENTING: Arahan yang anda PERLU ikuti untuk melengkapkan tugasan.

NOTA: Petua dan maklumat tambahan untuk membantu anda melengkapkan tugasan.

Di mana mencari maklumat lain

Rujuk pada sumber berikut untuk maklumat tambahan dan untuk kemas kini produk dan perisian.

1. **Laman sokongan ASUS**

   Muat turun peralatan tegar, pemacu dan utiliti daripada laman Sokongan ASUS di **http://support.asus.com/**.

2. **Forum ASUS**

   Dapatkan berita dan maklumat terkini mengenai produk ini daripada laman Forum ASUS di **http://vip.asus.com/forum/**.

3. **Dokumentasi pilihan**

   Pakej produk anda mungkin termasuk dokumen pilihan, seperti helaian waranti yang mungkin ditambah oleh pengedar anda. Dokumen ini bukan sebahagian pakej standard.

Bab 1

Bermula

Selamat Datang

Terima kasih kerana membeli ASUS O!Play GALLERY Media Player!

ASUS O!Play GALLERY Media Player membenarkan anda menikmati fail media fdigital daripada komputer anda melalui fungsi UPnP, USB boleh alih/eperanti penyimpanan SATA, pemcu cakera keras 3.5” tambahan, kad memori, atau melalui rangkaian ke TV atau sistem hiburan anda.

Kandungan pakej

O!Play GAllery Media Player	Kord kuasa	Penyesuai AC
Kabel lanjutan iPod	Kawalan jauh dengan dua bateri AAA	Kuasa HDD dan kabel isyarat
Braket dan skru HDD	Bantuan CD (Manual Pengguna)	Panduan Mula Pantas

Jika mana-mana item di atas rosak atau hilang, hubungi peruncit anda.

Ringkasan spesifikasi

Standard Wayarles	WiFi 802.11b/g/n
Format video yang disokong	MPEG1/2/4, H.264, VC-1, RM/RMVB
Lanjutan fail video yang disokong	MP4, MOV, Xvid, AVI, ASF, WMV, MKV, FLV, TS, M2TS, DAT, MPG, VOB, MTS, ISO, IFO, TRP
Format audio yang disokong	MP3, WAV, AAC, OGG, FLAC, AIFF, Dolby Digital, DTS Digital Surround, ID3 Tag, Dolby TrueHD, Dolby Digital Plus
Format imej yang disokong	JPEG, BMP, PNG, GIF, TIFF
Format sari kata yang disokong	SRT, SUB, SMI, SSA, TXT
Sistem fail yang disokong	FAT 16/32, NTFS, HFS/HFST, ext 3
Port I/O	Input 1 x Kuasa (DC)
	1 x Port iPod
	2 x Port USB 2.0
	1 x Port USB 3.0
	1 x Port eSATA
	1 x LAN port (10/100Mbps)
	1 x HDMI port
	1 x Port digital optik (S/PDIF)
	1 x Port digital (S/PDIF) sepaksi
	1 x Pembaca kad CF
	1 x Pembaca kad SD/MMC
	1 x Pembaca kad MS/MS-Duo
Dimensi	L x D x T: 230.0mm x 178.0mm x 60.5mm
	Berat: 720g
Perkadaran input kuasa	12Vdc, 3A
Penggunakan kuasa	10W

Spesifikasi tertakluk pada perubahan tanpa pemberitahuan.

Keperluan sistem

- TV definisi tinggi (HDTV), standard TV, atau monitor HDMI
- Peranti penyimpanan (pemacu denyar USB / USB HDD/ pemacu denyar eSATA/ eSATA HDD/ 3.5” HDD)
- Kad memori (SD/MMC, CF, atau kad MS/MS-Duo)
- Kabel RJ-45 disambungkan ke rangkaian utama atau pejabat (Pilihan)

Gunakan kabel HDMI untuk menyambung pemain media HD anda ke monitor HDTV atau HDMI.

Mengetahui pemain media O!Play GALLERY anda

Panel depan



1	**Slot kad CF** Masukkan kad CF ke dalam slot ini. Peranti menyokong 64GB CF v4.1.
2	**Slot kad SD/MMC** Masukkan kad SD/MMC ke dalam slot ini. Peranti menyokong 32GB SDHC v2.0 dan 2GB MMC v4.2.
3	**Slot kad MS/MS-Duo** Masukkan kad MS/MS-Duo ke dalam slot ini. Peranti menyokong 128MB MS v1.43 dan 32GB MS Pro v1.03.
4	**Port eSATA** Sambung peranti eSATA seperti pemacu keras luaran ke dalam port ini.

5	**Port USB 2.0** Sambung peranti USB 2.0 ke dalam port ini.
6	**Penerima IR (Infra merah)** Membenarkan anda mengawal pemain media HD menggunakan kawalan jauh IR.
7	**Penunjuk LED** Memaparkan status pemain media HD.

LED	Status	Penerangan
Kuasa	MATI	Peranti mati.
	Orange	Peranti ini dalam mod tidur.
	Biru	Peranti dihidupkan dan sambungan wayarles telah bersedia
	Ungu	Peranti dihidupkan/dimatikan.
	Hijau	Peranti dihidupkan tetapi sambungan wayarles dimatikan

Pastikan bahawa penerima IR tidak disekat. Jika tidak Pemain Media tidak akan dapat menerima perintah daripada kawalan jauh.

Panel beakang



1	**Input kuasa (DC-In)** Masukkan penyesuai kuasa ke dalam port ini.
	Pastikan bahawa anda memasukkan penyesuai kuasa ke dalam pengadaran input yang betul (12V, 3A).
2	**Port iPod** Sambungkan iPod atau iPhone anda ke dalam port ini menggunakan kabel lanjutan iPod Ekslusif ASUS.
3	**Output audio digital (SEPAKSI)** Masukkan kabel sepaksi ke dalam port ini untuk menyambung sistem audio HI-Fi luaran.
4	**Port USB 2.0** Sambung peranti USB 2.0 ke dalam port ini.
5	**Port HDMI** Masukkan kabel HDMI ke dalam port ini untuk menyambung peranti antara muka muktimedia definisi tinggi (HDMI).
6	**Port LAN (RJ-45)** Masukkan kabel RJ-45 ke dalam port ini untuk menyambung rangkaian kawasan setempat (LAN).
7	**USB 3.0 PC link** Sambungkan port USB 3.0 komputer anda untuk pemindahan data berkelajuan tinggi.
8	**Tetap semula butang** Menggunakan pin atau klip kertas, tekan butang ini untuk menetapkan semula peranti ke tetapan lalai kilangnya.
9	**Output audio digital (OPTIK)** Masukkan kabel optik ke dalam port ini untuk menyambung sistem audio HI-Fi luaran.

Kawalan jauh

Gunakan kawalan jauh untuk menghidupkan/mematikan pemain media O!Play GALLERY, semak imbas melalui menu, dan pilih fail media untuk memainkan, memaparkan atau mendengar.



1	Display	**Paparan** Tekan untuk memaparkan nama fail, jenis fail dan masa.
2	iPod	**iPod** Tekan untuk memasukkan mod iPod.
3	FILE	**Pergerakan Perlahan** Tekan untuk memainkan semula filem yang sedang dimainkan dengan perlahan. Tekan ▶/II untuk menyambung main kembali biasa.
4		**Ulang** Tekan untuk mengulang main kembali muzik, filem atau fail foto yang sedang dimainkan sekarang.
5		**Berhenti** Hentikan main kembali.
6		**Ulang semula** Tekan untuk mengulang main kembali.
7		**Sebelumnya** Kembali ke fail media sebelumnya.
8		**Persediaan** Melancarkan menu Persediaan.
9		**Pilihan** Tekan untuk memilih filem, muzik dan kesan foto.
10	**Tombol putar / Kekunci navigasi / OK**	
	▲ ▼	Tekan kekunci atas/bawah untuk bergerak pada bar menu di dalam menu sub. Tekan kekunci atas/bawah untuk menurunkan/meningkatkan nilai bernombor.
	◀ ▶	Tekan kekunci kiri/kanan untuk bergerak pada menu utama di dalam skrin Utama. Putar tombol rotari ke kiri/kanan untuk bergerak melalui menu utama dalam skrin Utama. Tekan kekunci kiri/kanan untuk bergerak pada item di dalam menu sub.
	OK	Tekan **OK** mengesahkan pemilihan.
11		**Kelantangan naik** Tingkatkan kelantangan.
12		**Bisu** Tekan untuk menyahdayakan output audio.
13		**Kelantangan turun** Turunkan kelantangan.

14		**Wayang** Tekan untuk memasukkan mod **Wayang**.
15		**Muzik** Tekan untuk memasukkan mod **Muzik.**
16		**Foto** Tekan untuk memasukkan mod **Foto**.
17		**Media Dalam Talian** Tekan untuk memasukkan mod **Media Dalam Talian**.
18	Import	**Import** Imports muzik, foto dan fail filem.
19		**Kembali** Kembali ke skrin sebelumnya.
20		**Laman Utama** Memaparkan menu utama.
21		**Bahasa** Tekan untuk memilih bahasa untuk video yang anda tonton.
22		**Sari Kata** Tekan untuk menatarajah tetapan sari kata seperti warna dan saiz fon.
23		**Seterusnya** Pergi ke fail media seterusnya.
24		**Jeda/Main** Menogol antara main kembali dan jeda.
25		**Memajukan** Tekan untuk memajukan main kembali.
26		**Zum Masuk** Zum masuk pada skrin.
27		**Merombak muzik** Tekan untuk menggabungkan semua fail muzik anda di dalam peranti penyimpanan anda dan mainkan fail muzik secara rawak.
28		**Kegemaran / Pintasan** Tekan untuk memaparkan senarai Kegemaran atau Pintasan.
29		**Menghidupkan/mematikan** Hidupkan atau mematikan pemain media HD.

Mendapatkan pemain media O!Play GALLERY anda bersedia

Jika anda memerlukan waranti memberi khidmat untuk pemain media HD anda, pastikan bahawa anda menghantarnya kembali di dalam pembungkusan asalnya, yang akan memberikan perlindungan yang lebih baik untuk produk anda semasa penghantaran. Waranti mungkin tidak sah jika produk rosak disebabkan pembungkusan tidak sempurna. ASUS tidak akan memberi pampasan atau menggantikan sebarang item yang rosak disebabkan pembungkusan yang tidak sempurna.

Memasangkan pemacu cakera keras

Anda boleh memasangkan pemacu cakera keras 3.5” ke pemain media HD anda.

- Pemacu cakera keras dibeli secara berasingan.
- Jika anda memasang pemacu cakera baru pada pemain media HD anda. skrin amaran akan muncul, mengingatkan anda dormat pemacu cakera keras. Ikut pada arahan pada skrin untuk melengkapkan format proses. Mana-mana penutupan tidak biasa membawa kepada masa persediaan yang lama dan pemeriksaan cakera yang lain pada pembukaan seterusnya. Proses semakan akan mengambil masa beberapa minit bergantung pada kapasiti pemacu cakera.
- Jika anda hendak memadamkan semua data pada pemacu cakera keras, pergi ke **Setup (Persediaan) > System (Sistem)**, dan kemudian klik **Delete Database (Padam Pangkalan Data)**.
- ASUS tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerosakan/malfungsi yang disebabkan oleh pemasangan pemacu cakera keras yang tidak sewajarnya.
- ASUS tidak akan bertanggungjawab untuk kehilangan data atau pemulihan.

- Sandarkan fail penting atau folder secara berkala untuk mengelakkan kehilangan data berpotensi disebabkan oleh kerosakan cakera.
- Berhati-hati dengan suhu panas semasa menggunakan pemacu cakera keras untuk masa yang lama.

Untuk memasangkan pemacu cakera keras:

1. Pasangkan pemacu cakera keras pada pendakap HDD, kemudian ketatkannya dengan menggunakan empat skru.
2. Lampirkan satu penghujung kuasa HDD dan kabel isyarat ke pemacu cakera keras.



3. Buka penutup bawah pemain media HD anda.



4. Lampirkan penghujung lain kuasa HDD yang dibekalkan dan kabel isyarat ke pemain media HD.
5. Masukkan braket HDD ke pemain media HD dengan berhati-hat.
6. Ketatkan braket HDD ke dalam pemain media HD dengan menggunakan empat skru.
7. Kumpul kuasa HDD dan kabel isyarat ke dalam pemain media HD supaya anda dapat melindungi penutup bawah sepenuhnya padanya.





8. Tutup penutup bawah pemain media HD anda.



Menyambung penyesuai kuasa



Untuk menyambung penyesuai kuasa:

1. Sambung kod kuasa AC ke penyesuai AC.
2. Sambung penyesuai AC ke port DC-masuk di belakang pemain media HD anda.
3. Sambung penyesuai AC ke sumber kuasa.

Menyambung peranti ke pemain media HD anda

Untuk menyambung peranti ke pemain media HD anda:

1. Lakukan mana-mana berikut untuk menyambung paparan ke pemain media HD anda:
   - Gunakan kabel HDMI untuk menyambung pemain media HD anda ke monitor HDTV atau HDMI.

Kabel HDMI dibeli secara berasingan.

2. Lakukan mana-mana berikut untuk menyambung peranti simpanan atau kad memori pemain media HD anda:
   - Masukkan peranti penyimpanan USB/eSATA seperti pemacu cakera keras atau cakera denyar USB ke port USB atau port gabungan USB/eSATA di bahagian kiri pemain media HD anda.

   - Masukkan kad memori seperti SD/MMC, CF, dan kad MS/MS-Duo ke dalam slot kad sewajarnya di bahagian kanan pemain media HD anda.

Anda juga boleh mengakses fail media daripada folder yang dikongsi komputer rangkaian. Untuk butiran selanjutnya, rujuk pada bahagian **menyambung ke rangkaian** dalam Bab 2.

3. Gunakan sama ada kabel AV komposit berkas atau kabel S/PDIF untuk menyambung sistem audio ke pemain media HD anda.
4. Masukkan kabek kuasa pemain media HD untuk menguasakan sumber.
5. Hidupkan monitor HDTV, TV, atau HDMI.
6. Set pengawas HDTV atau HDMI anda pada mod (AV) video atau HDMI.

Rujuk ke dokumentasi yang datang bersama monitor HDTV atau HDMI anda.

Mula untuk kali pertama

Apabila anda memulakan pemain media HD anda untuk kali pertama, satu siri skrin muncul untuk membantu anda menatarajah tetapan asas pemain media HD anda.

Untuk memulakan untuk kali pertama:

1. Hidupkan pemain media HD anda dan monitor HDTV atau HDMI anda.
2. Set pengawas HDTV atau HDMI anda pada mod (AV) video atau HDMI.

Rujuk ke dokumentasi yang datang bersama monitor HDTV atau HDMI anda.

3. Wizard Persediaan muncul. Ikut arahan pada skrin untuk melengkapkan proses persediaan.

Gunakan kawalan jauh untuk menavigasi skrin.

Bab 2

Persediaan dan perkhidmatan rangkaian

Menyambung ke rangkaian

Menyambungkan pada rangkaian menggunakan sambungan berwayar atay wayarles membolehkan

Untuk maklumat selanjutnya mengenai penstriman media dalam talian, rujuk pada seksyen **Penstriman media dalam talian** dalam Bab 3.

Sambungan berwayar

Menggunakan DHCP IP (persediaan rangkaian dengan penghala)

Dengan menggunakan IP DHCP membolehkah penghala memperuntukkan alamat IP secara automatik untuk pemain media anda.



Untuk menyambung ke rangkaian anda:

1. Menyambung satu penghujung kabel RJ-45 ke port LAN di belakang pemain media HD dan dipenghujung lain ke port LAN penghala.

2. Sambung komputer anda dan peranti lain yang diperlukan ke penghala anda.

Rujuk ke dokumentasi yang datang bersama penghala anda.

3. Sambung semua peranti yang diperlukan ke pemain media HD anda.

Untuk butiran selanjutnya, rujuk pada bahagian **Menyambung peranti ke pemain media HD anda** dalam Bab 1.

4. Daripada skrin Utama, tekan kekunci kiri/kanan ◀ / ▶ untuk menavigasi ke **Seting**, dan tekan OK.

   Anda juga boleh menekan untuk melancarkan menu **Seting.**

5. Navigasi ke **Network (Rangkaian)** dan tekan OK.
6. Pilih **Wired Connection (Sambungan Berwayar)** dan tekan OK.

7. Pilih **DHCP (AUTO IP)** sebagai jenis persediaan anda. Pelayan DHCP penghala memperuntukkan alamat IP secara automatik untuk pemain media HD anda.

8. Klik **OK** untuk menyimpan tetapan.

- Jika anda tidak boleh menyambung ke rangkaian pejabat anda, hubungi pentadbir rangkaian anda.
- Jika anda hendak mengakses fail rangkaian dikongsi, pastikan bahawa fail komputer dikongsi pada rangkaian. Untuk butiran selanjutnya, rujuk ke bahagian **Berkongsi fail media melalui rangkaian** di dalam bab ini.

Menggunakan FIX IP (persediaan rangkaian dengan sambungan terus ke komputer)

Menggunakan FIX IP membolehkan pemain media anda menyambung ke komputer secara terus.



Untuk menyambung ke rangkaian anda:

1. Menyambung satu penghujung kabel RJ-45 ke port LAN di belakang pemain media HD dan di penghujung lain komputer.
2. Sambung semua peranti yang diperlukan ke pemain media HD anda.

Untuk butiran selanjutnya, rujuk pada bahagian **Menyambung peranti ke pemain media HD anda** dalam Bab 1.

3. Daripada skrin Utama, tekan kekunci kiri/kanan ◀ / ▶ untuk menavigasi ke **Seting**, dan tekan OK.

   Anda juga boleh menekan untuk melancarkan menu **Seting**.

4. Navigasi ke **Network (Rangkaian)** dan tekan OK.
5. Pilih **Wired Connection (Sambungan Berwayar)** dan tekan OK.

6. Pilih **Manual setting (Fixed IP) (Tetapan manual (IP Tetap)** dan tekan OK.
7. Dari skrin IP Address Setting (Tetapan Alamat IP), masukkan IP Address (Alamat IP), Subnet Mask (Subnet Mask), Default Gateway (Get Laluan Lalai), dan DNS address (Alamat DNS).

Dapatkan alamat IP dan subnet mask daripada Pembekal Khidmat Internet (ISP) anda.

8. Klik **OK** untuk menyimpan tetapan.
9. Pada komputer anda, anda perlu memasukkan subnet mask yang sama seperti yang berada pada pemain media HD.

Pastikan bahawa alamat IP komputer anda tidak digunakan oleh peranti lain. Untuk butiran lanjut, sila rujuk seksyen **Mengkonfigurasi tetapan alamat IP untuk komputer anda** yang seterusnya.

Menatarajah tetapan alamat IP untuk komputer anda

Untuk mengakses pemain media HD apabula menggunakan **FIX IP**, anda perlu mempunyai tetapan TCP/IP yang betul pada komputer anda.

ikut arahan di bawah yang sepadan pada sistem pengendalian yang dipasangkan pada komputer anda.

Gunakan tetapan IP lalai berikut:

- **Alamat IP**: 192.168.0.xxx
  xxx cboleh menjadi nombor antara 2 dan 254. Pastikan bahawa alamat IP tidak digunakan oleh peranti lain.
- **Subnet Mask**: 255.255.255.0 (sama seperti media pemain HD)

Windows® XP OS

1. Klik **Mula** > **Panel Kawalan** > **Sambungan Rangkaian**. Klik kanan **Sambungan Kawasan Setempat** kemudian pilih **Ciri**.
2. Pilih **Protokol Internet (TCP/IP)**, kemudian klik **Ciri**.



3. Pilih **Gunakan alamat IP berikut:** dan masukkan **alamat IP** dan **Subnet mask**.
4. Klik **OK** apabila selesai.



Windows® Vista/7 OS

1. Klik **Mula** > **Panel Kawalan** > **Pusat Rangkaian dan Perkongsian**. Klik kanan **Sambungan Kawasan Setempat** kemudian pilih **Ciri**.
2. Pilih **Versi Protokol Internet 4 (TCP/IPv4)**, kemudian klik **Ciri**.



3. Pilih **Gunakan alamat IP berikut:** dan masukkan **alamat IP** dan **Subnet mask**.
4. Klik **OK** apabila selesai.



Mac OS X 10.5.xx

1. Pilih menu **Apple** > **Keutamaan Sistem**. Klik **Rangkaian**.
2. Pilih **Secara Manual**.
3. Masukkan **Alamat IP** dan **Subnet Mask**.
4. Klik **Gunakan** apabila selesai.



Menyemak alamat IP komputer anda

Untuk menyemak alamat IP komputer anda di bawah Windows® OS:

1. Klik **Start (Mula)** > **Run (Jalankan)**.
2. Dalam tetingkap **Run (Jalankan)**, masukkan cmd atau command (arahan), dan klik **OK**.
3. Tetingkap MS DOS kelihatan. Masukkan ipconfig, dan tekan kekunci Masuk. Alamat IP untuk komputer anda dipaparkan.

Sambungan wayarles

Untuk menyambung kepada rangkaian wayarles:

1. Sambungkan semua peranti yang perlu untuk menyediakan rangkaian wayarles.

- Untuk butiran mengenai penyediaan rangkaian wayarles, rujuk pada dokumentasi yang disertakan dengan penghala wayarles anda.
- Untuk menubuhkan sambungan wayarles, anda mungkin perlu menggunakan penyesuai IEEE 802.11b/g/n WLAN serasi pada komputer anda.
- Sesetengah komputer mungkin datang dengan kebolehan wayarles binaan dalam. Rujuk dokumentasi yang datang bersama komputer anda.

2. Dari skrin Home (Utama), tekan kekunci kiri/kanan ◀ / ▶ untuk menavigasi ke Setting (Seting), kemudian tekan OK.

   Anda juga boleh menekan untuk melancarkan menu **Setting (Seting)**.
3. Navigasi ke **Network (Rangkaian)** dan tekan OK.
4. Pilih **Wireless Connection (Sambungan Wayarles)** dan tekan OK.
5. Daripada senarai, pilih item **(Connect 1 ~ Connect 3) (Sambung 1 ~ Sambung 3)** untuk membuat profil sambungan dan tekan OK.
6. Pilih mana-mana sebarang mod sambungan ini:
   - **Infrastruktur Auto (AP)** : Jika anda pilih mod ini, pemain media HD anda mencari dan memaparkan senarai rangkaian wayarles tersedia. Daripada senarai rangkaian, pilih rangkaian wayarles yang anda mahu sambungkan. Jika perlu, masukkan kekunci laluan rangkaian.
   - **Infrastruktur Manual (AP):** Jika anda memilih mod ini, anda perlu menyediakan seting rangkaian wayarles seperti SSID (nama rangkaian) dan kaedah penyulitan.
   - S**etara kepada Setara (Ad Hoc):** Jika anda pilih mod ini, komputer anda boleh menyambung ke pemain media HD anda tanpa menyambung menggunakan penghala wayales. Ia membolehkan anda menyediakan rangkaian wayarles sementara.

- Gunakan Windows® Wireless Zero Configuration (Windows® XP) atau WLAN AutoConfig (Windows® Vista / 7) untuk mengkonfigurasikan penyesuai WLAN anda.
- Pastikan anda menyahdaya utiliti wayarles dalam penyesuai WLAN anda. Untuk butiran selanjutnya, rujuk pada dokumentasi yang disertakan dengan penyesuai WLAN anda.

- Sebelum memilih mod **Peer to Peer (Setara kepada Setara) (Ad Hoc)**, pastikan perkara berikut:
  - Fungsi wayarles terbina dalam komputer anda atau penyesuai WLAN berfungsi dengan baik
  - Firewall dinyahdayakan.
- Apabila anda menyambung ke rangkaian melalui sambungan wayarles, mungkin berlaku sela waktu atau ketar apabila menstrim beberapa fail video berdefinisi tinggi. Masalah berikut disebabkan oleh jalur lebar tidak mencukupi yang tersedia dalam beberapa penghala wayarles berasaskan rumah. Kami menyarankan anda menggunakan sambungan berwayar (kabel 10/100 LAN/RJ-45) untuk fail video definisi tinggi strim.

Sambungan pelayan proksi

Anda boleh menyediakan pemain media HD anda untuk menyambung ke pelayan proksi.

Untuk menyambung kepada pelayan proksi:

1. Sambung komputer anda, pemain media HD, dan peranti sewajarnya yang lain ke rangkaian anda melalui sambungan berwayar atau wayarles.

Untuk butiran selanjutnya, rujuk pada seksyen berkenaan sambungan berwayar/wayarles sebelumnya.

2. Dari skrin Home (Utama), tekan kekunci kiri/kanan ◀/▶ untuk menavigasi ke **Setting (Seting)**, kemudian tekan OK. Anda juga boleh menekan untuk melancarkan menu **Setting (Seting)**.
3. Navigasi ke **Network (Rangkaian)** dan tekan OK.
4. Pilih **Proxy Setup (Persediaan Proksi)** dan tekan OK.
5. Dalam medan **Host (Hos)**, kekunci dalam alamat IP pelayan proksi.
6. Dalam medan **Port**, masukkan nombor port untuk pelayan proksi.
7. Jika perlu, masukkan nama pengguna dan kata laluan pelayan proksi.

Perkongsian fail melalui rangkaian

Perkongsian fail di bawah Windows® XP OS

Untuk menatarajah komputer anda untuk membolehkan folder dikongsi:

1. Klik Mula > **Panel Kawalan** > **Sambungan Rangkaian dan Internet> Wizard Persediaan Rangkaian**.



2. Pilih **Hidupkan perkongsian fail dan pencetak**.
3. Apabila selesai, klik **Selesai**.

Perkongsian fail di bawah Windows® XP OS:

1. Pada komputer anda, pilih folder mengandungi fail yang anda hendak kongsi.
2. Klik kanan folder yang dipilih, dan pilih **Perkongsian dan Keselamatan**.



3. Tandakan **Kongsi folder ini**.

   Jika anda hendak menetapkan kebenaran pengguna rangkaian, klik **Kebenaran**. Klik **Gunakan** apabila selesai.

4. Ikon tangan muncul pada folder menandakan bahawa kandungan folder dikongsi melalui rangkaian.



Perkongsian fail di bawah Windows® Vista OS

Dalam Windows® Vista OS, anda boleh berkongsi fail menggunakan mana-mana dua kaedah berikut:

- Kongsi fail daripada folder pada komputer anda.
- Kongsi fail daripada folder Awam.

Berkongsi fail daripada folder pada komputer anda.

Untuk berkongsi fail daripada folder pada komputer anda:

1. Pada komputer anda, pilih folder mengandungi fail yang anda hendak kongsi.
2. Klik kanan folder yang dipilih, dan pilih **Kongsi**.
3. Dalam skrin **Perkongsian Fail**, pilih pengguna rangkaian yang anda hendak kongsi fail daripada senarai tarik turun dan klik **Tambah**.
4. Untuk menetapkan kebenaran untuk pengguna rangkaian, pilih mana-mana tahap kebenaran ini daripada senarai tarik turun di bawah **Tahap Kebenaran**:
   - **Pembaca**: Pilih pilihan ini jika anda hendak pengguna mempunyai hak akses baca sahaja ke fail yang dikongsi. Tidak boleh menambah, menukar atau memadam fail yang dikongsi.
   - **Penyumbang**: Pilih pilihan ini untuk membolehkan pengguna melihat dan menambah fail yang dikongsi. Hanya boleh menukar atau memadam fail yang telah dikongsi.
   - **Pemilik Bersama**: Pilih pilihan ini untuk membolehkan pengguna melihat, menambah, menukar, atau memadam fail yang dikongsi.
5. Apabila selesai, klik **Kongsi**.

Kongsi fail daripada folder Awam.

Folder Awam membolehkan anda berkongsi fail anda dengan orang lain menggunakan komputer anda atau dengan pengguna lain di dalam rangkaian.

Untuk berkongsi fail daripada folder Awam:

1. Klik > **Dokumen**.
2. Daripada **Pautan Kegemaran** di dalam anak tingkap navigasi, klik **Awam**. Letakkan mana-mana fail atau folder yang anda hendak kongsi menjadi subfolder di dalam folder Awam.

Untuk menyekat akses ke fail dan folder di dalam folder Awam, rujuk ke bahagian seterusnya.

Untuk menyekat akses pengguna ke folder Awam:

Anda boleh menghidupkan fungsi perkongsian dilindungi kata laluan untuk menyekat akses ke folder Awam hanya kepada orang yang mempunyai akaun pengguna dan kata laluan pada komputer anda.

1. Klik > **Panel Kawalan**> **Rangkaian dan Internet** > **Pusat Rangkaian dan Perkongsian** untuk melancarkan Pusat Rangkaian dan Perkongsian.
2. Daripada senarai tarik turun **Perkongsian kata laluan yang dilindung**, pilih **Hidupkan perkongsian kata laluan yang dilindungi**.
3. Apabila selesai, klik **Gunakan**.

Untuk menetapkan tahap akses pengguna ke folder Awam:

1. Klik > **Panel Kawalan**> **Rangkaian dan Internet** > **Pusat Rangkaian dan Perkongsian** untuk melancarkan Pusat Rangkaian dan Perkongsian.
2. Daripada senarai tarik turun **Perkongsian folder awam**, pilih mana-mana tiga pilihan berikut:
   - **Hidupkan perkongsian supaya sesiapa dengan akses rangkaian boleh membuka fail**
   - **Hidupkan perkongsian supaya sesiapa sahaja dengan akses rangkaian boleh membuka, menukar, dan membuat fail**
   - **Matikan perkongsian (orang yang log masuk ke komputer ini masih boleh mengakses folder ini)**
3. Apabila selesai, klik **Gunakan**.

Perkongsian fail di bawah Windows® 7 OS

Untuk menatarajah komputer anda untuk membolehkan folder dikongsi:

1. Klik **Mula > Panel Kawalan > Rangkaian dan Internet > Pusat Rangkaian dan Perkongsian > Pilih kumpulan utama dan pilihan perkongsian > Tukar tetapan perkongsian lanjutan....**



2. Pastikan bahawa pilihan berikut dipilih dengan betul:
   Hidupkan penemuan rangkaian
   Matikan perkongsian fail dan pencetak
   Strim media mati
   Benarkan Tetingkap menguruskan sambungan kumpulan utama (disarankan)

Perkongsian fail di bawah Windows® 7 OS:

1. Pada komputer anda, pilih folder mengandungi fail yang anda hendak kongsi.
2. Klik kanan folder yang dipilih, dan pilih **Ciri**.
3. Klik tab **Perkongsian** > **Perkongsian Lanjutan....**



4. Semak item **Kongsi folder ini**, kemudian klik **Kebenaran**.



5. Pilih pengguna rangkaian yang anda hendak kongsi fail, dan tetapkan pilihan kawalan akses.



Berkongsi fail di bawah Mac OS X 10.5.xx

Untuk berkongsi folder di bawah Mac OS:

1. Pilih menu **Apple** > **Keutamaan Sistem**. Klik **Perkongsian**.
2. Klik ikon + untuk memaparkan folder tersedia. Navigasi ke folder yang anda hendak kongsi.
3. Tambah kumpulang Pengguna; Semua Orang.
4. Ulang langkah 2–3 untuk berkongsi folder lain.
5. Apabila selesai, klik **Pilihan...**.



6. Semak kotak **Kongsi fail dan folder menggunakan SMB**, dan klik **Selesai**.



Berkongsi fail di bawah Linux OS

Berkongsi fail di bawah Linux OS

1. Pada komputer anda, pilih folder mengandungi fail yang anda hendak kongsi.
2. Klik kanan folder dan klik **Sharing > Windows Sharing (Berkongsi > Perkongsian Windows)**.
3. Dari tab Sharing (Perkongsian) **Windows**, tandakan item yang berikut: **Share this item and its contents (Kongsi item ini dan kandungannya), Allow all users (Benarkan semua pengguna)**, dan **Share Enabled (Dayakan Kongsi)**.
4. Klik **OK (OK)** apabila selesai. Ikon muncul pada folder yang menunjukkan bahawa kandungan folder dikongsi melalui rangkaian.

Bab 3

Menggunakan pemain media O!Play GALLERY anda

Skrin Utama

Skrin utama termasuj pilihan utama ini: **Filem, Muzik, My Life (Kehidupan Saya), iPod, Seting, Kegemaran, Pengurus Fail,** dan **Internet**.

- **Pilihan Pengurus Fail** membolehkan anda melihat semua fail media anda di dalam peranti penyimpanan dan rangkaian.
- Untuk bergerak pada menu utama dalam skrin Utama, anda boleh memutarkan tombol putar ke kiri/kanan atau tekan kekunci kiri/kanan ◀/▶ pada kawalan jauh.

Menatarajah tetapan O!Play GALLERY:

Untuk menatarajah tetapan O!Play GALLERY:

1. Daripada skrin Utama, tekan kekunci kiri/kanan ◀ / ▶ untuk menavigasi ke **Seting**, dan tekan OK.

   Anda juga boleh menekan untuk melancarkan menu **Seting**.

2. Tekan kekunci atas/bawah ▲ / ▼ untuk menavigasi pada **Video**, **Audio**, **Rangkaian**, dan **Sistem**, kemudian tekan kekunci kanan ▶ atau OK untuk membolehkan anda memilih item yang anda hendak tatarajah.
3. Tekan kekunci atas/bawah ▲ / ▼ untuk menavigasi pada item yang anda hendak tatarajah.
4. Tekan kekunci kanan ▶ atau OK untuk memasukkan sub menu ini dan menggunakan kekunci atas/bawah ▲ / ▼ untuk memilih tetapan.
5. Tekan OK untuk menyimpan atau tekan untuk membatalkan tetapan yang dilakukan.

Memainkan filem

Butang kawalan filem pada kawalan jauh

Butang	Fungsi
	Tekan untuk memasukkan mod **Movies (Wayang)**.
Display	Tekan untuk memaparkan sumber fail, nama fail, format fail dan masa berlalu video itu.
	Tekan untuk kembali ke skrin sebelumnya.
	Tekan untuk memainkan semula filem yang sedang dimainkan dengan perlahan. Tekan untuk menyambung main kembali biasa.
	Tekan untuk mengulang main kembali. Tekan berulang kali untuk menukar kelajuan undur ke x1.5, x2, x4, x8, x16, x32, atau kelajuan normal (x1)
	Tekan untuk memajukan main kembali. Tekan berulang kali untuk menukar kelajuan maju ke x1.5, x2, x4, x8, x16, x32, atau kelajuan normal (x1)
	Tekan untuk berhenti main kembali.
	Tekan untuk menatarajah tetapan main kembali video.
	Tekan untuk meningkatkan kelantangan.
	Tekan untuk menurunkan kelantangan.
	Tekan untuk kembali ke fail video sebelumnya.
	Tekan untuk pergi ke fail video seterusnya.
	Tekan untuk menatarajah tetapan sari kata seperti warna dan saiz fon.
	Tekan untuk memilih bahasa untuk video yang anda tonton.
	Tekan untuk melancarkan menu Persediaan.
	Tekan untuk menyahdayakan output audio.
	Tekan untuk zum masuk pada skrin.
	Tekan untuk mengulang main kembali filem yang sedang dimainkan.

Memainkan filem

Untuk memainkan filem:

1. Daripada Skrin utama, tekan kekunci kiri/kanan◀ / ▶ untuk menavigasi ke **Filem**, kemudian tekan OK.

   Anda juga boleh menekan untuk memasukkan mod **Movies (Wayang)**.



2. Menggunakan kekunci atas/ bawah ▲ / ▼, pilih sumber fail video anda, kemudian tekan OK.



Sebelum anda boleh mengakses fail media melalui rangkaian, pastikan folder yang mengandungi fail dikongsi. Untuk butiran selanjutnya, rujuk ke bahagian **Kongsi fail melalui rangkaian** dalam Bab 2.

3. Gunakan kekunci atas/bawah ▲ / ▼ untuk mencari video yang anda hendak main. Tekan OK atau untuk memainkan video. Anda juga boleh menekan Import untuk mengimport fail yang dipilih.

Mengkonfigurasi tetapan main balik filem

Menu tetapan main balik filem membolehkan anda mengkonfigurasikan tetapan filem seperti **Subtitle Settings (Tetapan Sari Kata)** dan **Color Adjustment (Pelarasan Warna)**.

Untuk mengkonfigurasi tetapan main balik filem:

1. Semasa main kembali, tekan untuk melancarkan menu tetapan main kembali video.
2. Tekan kekunci atas/bawah ▲ / ▼ untuk menavigasi ke fungsi yang anda hendak tatarajah. Tekan OK untuk memasukkan sub menunya untuk mengesahkan pemilihan.
3. Navgiasi ke pilihan yang dikehendaki, kemudian tekan OK untuk menyimpan atau tekan untuk membatalkan tetapan yang dilakukan.

Memainkan muzik

Butang kawalan muzik pada kawalan jauh

Butang	Fungsi
	Tekan untuk memasukkan mod **Music (Muzik)**.
Display	Tekan untuk memaparkan sumber fail, nama fail, format fail dan masa berlalu lagu itu.
	Tekan untuk kembali ke skrin sebelumnya.
▶/II	Tekan untuk menogol antara main kembali dan jeda.
◀◀	Tekan untuk mengulang main kembali. Tekan berulang kali untuk menukar kelajuan undur ke x1.5, x2, x4, x8, x16, x32, atau kelajuan normal (x1)
▶▶	Tekan untuk memajukan main kembali. Tekan berulang kali untuk menukar kelajuan maju ke x1.5, x2, x4, x8, x16, x32, atau kelajuan normal (x1)
■	Tekan untuk berhenti main kembali.
Import	Tekan untuk mengimport fail.

(bersambung ke halaman seterusnya)

Butang	Fungsi
	Tekan untuk kembali ke fail muzik sebelumnya.
	Tekan untuk pergi ke fail muzik seterusnya.
	Tekan untuk menatarajah tetapan main kembali muzik.
	Tekan untuk melancarkan menu Persediaan.
	Tekan untuk menyahdayakan output audio.
	Tekan untuk menggabungkan semua fail muzik anda di dalam peranti penyimpanan anda dan mainkan fail muzik secara rawak.
	Tekan untuk mengulang main kembali muzik yang sedang dimainkan.

Memainkan fail muzik

Untuk memainkan fail muzik:

1. Daripada skrin Utama, tekan kekunci kiri/kanan ◀ / ▶ untuk menavigasi ke **Muzik**, kemudian tekan OK.

   Anda juga boleh menekan untuk memasukkan mod **Music (Muzik).**



2. Menggunakan kekunci atas/bawah ▲ / ▼, pilih sumber fail muzik anda, kemudian tekan OK.

Sebelum anda boleh mengakses fail media melalui rangkaian, pastikan folder yang mengandungi fail dikongsi. Untuk butiran selanjutnya, rujuk ke bahagian **Kongsi fail melalui rangkaian** dalam Bab 2.

3. Gunakan kekunci atas/bawah ▲ / ▼ untuk mencari muzik yang anda hendak dengar. Tekan OK atau untuk memainkan muzik. Anda juga boleh menekan Import untuk mengimport fail yang dipilih.

- Tekan untuk menggabungkan semua fail muzik anda di dalam peranti penyimpanan anda dan mainkan fail muzik secara rawak.
- Tekan untuk mengulang main kembali muzik yang sedang dimainkan.

Menatarajah tetapan main kembali audio

Konfigurasi seting main kembali audio daripada menu Seting.

Untuk menatarajah tetapan main kembali audio

1. Daripada skrin Utama, tekan kekunci kiri/kanan ◀ / ▶ untuk menavigasi ke **Seting**, dan tekan OK.

   Anda juga boleh menekan untuk melancarkan menu **Seting**.
2. Navigasi ke **Audio > Digital Output (Audio > Output Digital)** kemudian tekan OK.
3. Untuk mengkonfigurasi **Digital Output (Output Digital)**, pilih sebarang dua pilihan berikut:
   - **LPCM:** Pilih pilihan sama ada apabila menyambung HDTV anda ke port HDMI pemain media, atau untuk penerima audio S/PDIF.
   - **RAW:** Pilih pilihan ini sama ada untuk penerima audio berbilang saluran HDMI atau untuk penerima audio berbilang saluran S/PDIF. Data audio RAW akan dihantar ke penerima berbilang saluran HDMI atau ke penerima berbilang saluran S/PDIF untuk pengekodan.

Menyediakan senarai main muzik anda

Mencipta senarai main muzik

Sebelum menyediakan senarai main, pastikan bahawa anda telah mengimport fail muzik ke pemain media HD anda. Untuk butiran selanjutnya, rujuk pada seksyen **Mengimport fail/folder** dalam bab ini.

Untuk mencipta senarai main muzik:



1. Dari skrin Home (Utama), tekan kekunci kiri/kanan ◀ / ▶ untuk menavigasi ke Music (Muzik), kemudian tekan OK.

   Anda juga boleh menekan untuk memasukkan mod **Music (Muzik)**.
2. Daripada menu Muzik, pilih **Playlist (Senarai Main) > New Playlist (Senarai Main Baru)**.
3. Untuk memasukkan nama senarai main, gunakan kekunci navigasi untuk bergerak pada papan kekunci maya.
4. Apabila anda telah memasukkan nama senarai main ke butang OK pada papan kekunci maya untuk mengesahkan nama senarai main.
5. Anda boleh mula menambah lagu ke senarai main anda.

Menambah lagu ke senarai main muzik anda

Pastikan anda telah mencipta senarai main muzik.

Untuk menambah lagu ke senarai main muzik anda:

1. Dari skrin Home (Utama), tekan kekunci kiri/kanan ◀ / ▶ untuk menavigasi ke **Music (Muzik)**, kemudian tekan OK. Anda juga boleh menekan untuk memasukkan mod **Music (Muzik)**.
2. Daripada menu Muzik, pilih **Artist (Artis)** atau **Song (Lagu)**. Senarai artis atau lagu pada pemain media HD anda dipaparkan.
3 Tekan untuk memilih, kemudian tekan OK untuk mengesahkan lagu yang anda hendak tambah ke senarai main anda.
4. Pilih senarai main yang anda hendak tambah lagu.
5. Tekan OK apabila selesai.

Menguruskan foto/video anda dengan Kehidupan Saya

Ciri Kehidupan Saya membolehkan anda melihat foto/video dalam tayang slaid atau dengan muzik latar belakang, konfigurasi seting main kembali foto/video, tambah tag/pengadaran/pintasan dan cipta album atau senarai main untuk foto atau video anda.

Menyediakan senarai main foto/video anda

Mencipta senarai main foto/video

Sebelum menyediakan senarai main, pastikan bahawa anda telah mengimport fail foto atau video ke pemain media HD anda. Untuk butiran selanjutnya, rujuk pada seksyen **Mengimport fail/folder** dalam bab ini.

Untuk mencipta senarai main foto/video:

1. Dari skrin Home (Utama), tekan kekunci kiri/kanan ◀/▶ untuk menavigasi ke **My Life (Kehidupan Saya)**, kemudian tekan OK. Anda juga boleh menekan untuk memasukkan mod **My Life (Kehidupan Saya)**.
2. Daripada menu Kehidupan Saya, pilih **Playlist (Senarai Main) > New Playlist (Senarai Main Baru)**.
3. Untuk memasukkan nama senarai main, gunakan kekunci navigasi untuk bergerak pada papan kekunci maya.
4. Apabila anda telah memasukkan nama senarai main ke butang OK pada papan kekunci maya untuk mengesahkan nama senarai main.
5. Anda sekarang boleh memulakan foto/video ke senarai main foto/video anda.

Menambah foto/video ke senarai main foto/video anda

Pastikan anda telah mencipta senarai main foto/video.

To add photos/videos to your photo/video playlist:

1. Dari skrin Home (Utama), tekan kekunci kiri/kanan ◀/▶ untuk menavigasi ke **My Life (Kehidupan Saya)**, kemudian tekan OK. Anda juga boleh menekan untuk memasukkan mod **My Life (Kehidupan Saya)**.
2. Daripada **Calendar (Kalendar)**, pilih folder mengandungi foto/video yang anda hendak tambah ke senarai main foto/video anda.
3 Tekan untuk memilih, kemudian tekan OK untuk mengesahkan lagu yang anda hendak tambah ke senarai main anda.
4. Pilih senarai main yang anda hendak tambah foto/video.
5. Tekan OK apabila selesai.

Melihat foto

Butang kawalan foto pada kawalan jauh

Butang	Fungsi
	Tekan untuk memasukkan mod **My Life (Kehidupan Saya)**.
Display	Tekan untuk memaparkan sumber fail foto, masa/tarikh diambil, dan resolusi foto.
	Tekan untuk melihat foto dalam mod tayangan slaid. Tekan sekali lagi untuk menjeda tayangan slaid.
	Tekan untuk kembali ke folder sumber.
	Tekan untuk mengkonfigurasi seting main kembali foto.
	Tekan untuk meningkatkan kelantangan untuk muzik latar belakang tayangan slaid.
	Tekan untuk menurunkan kelantangan untuk muzik latar belakang tayangan slaid.
	Tekan untuk kembali ke foto terdahulu.
	Tekan untuk pergi ke foto seterusnya.
	Tekan untuk menyahdayakan output audio.
Import	Tekan untuk mengimport fail.
